




Jabatan Mufti Negeri Selangor,
Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Telefon : 03-55143738. Fax : 03-55197584
E-mail : mufti_sel@selangor.gov.my



Garis Panduan

SOLAT BERJAMAAH DI MASJID, BANGUNAN SELAIN MASJID DAN TANAH LAPANG

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

PANDUANINI DIPERAKUKAN OLEH MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA
NEGERI SELANGOR BIL. 05/2013 BERTARIKH 10/10/2013.

SETINTA BICARA

SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI SELANGOR

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji kehadrat Allah SWT serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menjadi cermin keteladanan buat ummah sepanjang zaman, serta kepada seluruh keluarga baginda, para sahabat dan mereka yang senantiasa mengikut jejak Baginda hingga ke hari perhitungan kelak.

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT di atas nikmat hidayah dan izinnya Jabatan Mufti Negeri Selangor telah berjaya menyediakan Garis Panduan Solat Berjamaah Di Masjid, Bangunan Selain Masjid dan Tanah Lapang.

Sekalung penghargaan dan tahniah saya kepada Ashabul Fadhilah Dato'-dato' serta Ahli-ahli Jawatankuasa Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor di atas curahan ilmu dan kepakaran masing-masing dalam penghasilan garis panduan yang selaras dengan keperluan semasa umat Islam. Justeru, sumbangsan dan bakti ilmu ini telah merungkai pelbagai persoalan dan permasalahan yang berlaku di dalam masyarakat yang memerlukan panduan untuk keselamatan hidup di dunia dan akhirat.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan syabas saya tujukan kepada para petugas dan urus setia yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses penyediaan garis panduan ini. Semoga amal bakti dan keringat yang dicurahkan diterima sebagai amal soleh yang akan memberatkan neraca timbangan di akhirat kelak.

Akhir kata, semoga melalui penerbitan buku ini dapat memberikan sedikit sebanyak manfaat dan dijadikan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat khususnya di Negeri Selangor dan di Malaysia amnya. Segala kecemasan dan kekurangan yang berlaku dalam penerbitan buku ini boleh dimaafkan dan sedia menerima teguran dan nasihat.

Sekian Wassalam.

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID

SSIS.,DPMS.,PPT.

Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

PANDUAN SOLAT BERJAMAAH

1. BANGUNAN MASJID

1.1 Solat Dalam Masjid Tidak Bertingkat Dan Bertingkat.


Syarat-syaratnya :-

Makmum mengetahui perpindahan imam (*dari satu rukun ke satu rukun, di mana-mana ruang masjid tanpa disyaratkan dekat atau jauh*) sama ada dengan melihat imam atau melihat sesetengah daripada saf atau melihat melalui skrin atau mendengar muballigh (penyampai takbir imam).

Contoh ilustrasi :-

Rajah (1).


Masjid Tidak Bertingkat




Solat Berjamaah Di Masjid, Bangunan Selain Masjid Dan Tanah Lapang

Rajah (2).

Pandangan Atas



Pandangan Sisi



TANGGA :-


- Kedudukan tangga untuk turun naik mesti berada di dalam masjid samaada di depan atau di belakang makmum.
- Jika tangga berada di luar masjid sedangkan imam berada di tingkat bawah, maka tidak sah solat bagi makmum yang berada di tingkat atas.

1.2 Solat Di Beberapa Bangunan Dalam Satu Masjid

Syarat-syaratnya:-

Makmum boleh pergi kepada imam secara biasa (di luar solat), walaupun terpaksa berpaling kiblat atau membelakangkannya. Sekalipun terhalang antara imam dan makmum oleh sesuatu binaan seperti dinding tetapi ada pintu boleh pergi kepada imam (walaupun pintu itu ditutup atau dikunci). Sekiranya semua pintu itu dipaku sebelum sembahyang maka tidak sah mengikut imam dari belakang pintu atau dinding tersebut walaupun makmum boleh melihat imam melalui tingkap atau dinding kaca.

Contoh ilustrasi :-



- Pintu mestilah berada di sisi atau dihadapan maknum paling hadapan.




= KAWASAN KESELURUHAN MASJID


1.3 Solat Dalam Masjid Yang Makmumnya Terpisah (Contohnya Terpisah Oleh Bilik Air, Kolam, Tandas, Tempat Letak Kereta).

Syarat-syaratnya :-

- 1.3.1 Jarak maknum tidak melebihi 150 meter (300 hasta) dari tepi masjid sebelah pihak imam.
(Al-Fiqhul Al-Manhaji Assyaifie m/s 273 Jilid 1)




1.3.2 Jarak maksimum tidak melebihi 150 meter (300 hasta) dari makmum yang berada di luar masjid.




2. SOLAT JAMAAH DI BANGUNAN BUKAN MASJID

- 2.1 Imam berada di suatu bangunan seperti rumah atau surau atau madrasah sedangkan makmum di bangunan yang lain.




- 2.2 Imam berada di suatu tempat dalam sesebuah bangunan dan makmum berada di suatu tempat yang lain seperti di bilik atau ruang tertentu yang terpisah daripada tempat imam tetapi di dalam bangunan yang sama seperti rumah atau madrasah.




Solat Berjamaah Di Masjid, Bangunan Selain Masjid Dan Tanah Lapang

2.3 Imam berada dalam suatu bangunan dan makmum berada di luar bangunan atau padang (tanah lapang).



2.4 Imam berada di tingkat yang lain dalam satu bangunan.


Situasi (1).




- Tangga berada di dalam dan di tengah-tengah sisi bangunan.

Situasi (2).

- Tangga turun naik hendaklah berada di dalam dan di hadapan makmum di sisi bangunan.



Pandangan sisi bangunan.




Syarat sah mengikut imam berdasarkan situasi-situasi di atas adalah seperti berikut:-

- 1) Jarak maksimum tidak melebihi 300 hasta daripada imam.
- 2) Jangan ada sesuatu yang mencegah laluan maksimum untuk pergi kepada imam. Laluan tersebut hendaklah jalan biasa yang tidak membelakangkan kiblat.
- 3) Maksimum tidak dihalang melihat imam atau saf-saf di belakang imam (maksimum) seperti pintu yang ditutup atau tirai yang dilabuhkan.
- 4) Hendaklah ada seorang daripada maksimum (sebagai rabitah) berdiri berbetulan dengan pintu supaya ia dapat terus melihat imam atau sebahagian daripada maksimum yang berada di bangunan satu lagi atau yang berada di tempat lain dalam bangunan yang sama, jika terdinding antara imam dan maksimum atau tidak ada seorang pun maksimum yang berdiri berbetulan pintu, maka tidak sah mengikut imam.

3. SOLAT JEMAAH DI KAWASAN TANAH LAPANG

- 3.1 Sembahyang berjemaah di tempat lapang disyaratkan jarak antara imam dan maksimum atau antara saf-saf tidak melebihi 300 hasta (150 meter).



Syarat-syarat Rabitah.

1. Orang yang layak menjadi rabitah itu ialah mereka yang layak dah sah di ikut sebagai imam, oleh yang demikian tidak sah dijadikan perempuan sebagai rabitah jika makmum itu lelaki.
2. Rabitah itu dapat dilihat oleh makmum dibelakang atau kanan kirinya dan dapat pergi kepadanya tanpa membelakangi kiblat.
3. Jika rabitah itu hilang sewaktu sedang sembahyang adalah dimaafkan (tidak membatalkan ikutan) dan hendaklah mereka terus sempurnakan sembahyang dengan mengikut imam jika diketahui pergerakan imam.
4. Demikian juga jika pintu tertutup dengan sebab angin sewaktu sedang sembahyang dimaafkan, kerana dimaafkan pada berterusan sesuatu yang tidak dimaafkan pada permulaan.